

Perbandingan Kerangka Tadbir Urus Perbankan Islam di antara Indonesia dan Malaysia

Comparison of Shariah Governance Framework in Islamic Banking Between Indonesia and Malaysia

Nurhasliza

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nurhasliza633@gmail.com

Latifa Bibi Musafar Hamed

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
latifabibi@kuis.edu.my

Ahmad Fatin Mohammad Suhaimi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ahmadfatin@kuis.edu.my

Hafas Furqani

Universitas Islam Negeri Ar-Raniry
hafas.furqani@ar-raniry.ac.id

Kata Kunci:

*Tadbir urus
Syariah; Institusi
Perbankan Islam;
Indonesia;
Malaysia*

ABSTRAK

Perbankan dan kewangan Islam adalah satu industri yang berkembang pesat dan dijadikan sebagai penyumbang utama dalam aset kewangan global. Menurut Islamic Finance Development Indicator (IFDI) terdapat lima faktor utama yang memacu perkembangan dalam kewangan Islam di antaranya ialah Pembangunan Kuantitatif, Pengetahuan, Tadbir Urus, Tanggungjawab Sosial Korporat, dan Kesedaran. Malaysia dan Indonesia mengekalkan kedudukan teratas untuk tahun kedua berturut-turut berbanding negara Asia Tenggara yang lain dalam tadbir urus terbaik. Namun begitu, dari aspek tadbir urus Syariah kedua-dua negara menunjukkan perbezaan dan peringkat yang ketara. Objektif utama kajian ini ialah untuk membandingkan tadbir urus Syariah dari empat aspek iaitu kerangka tadbir urus, struktur tadbir urus, proses tadbir urus dan fungsi tadbir urus di antara Malaysia dan Indonesia. Kajian ini berdasarkan kajian berbentuk kualitatif dan data-data yang didapati sepenuhnya berdasarkan analisis dokumen bagi menghasilkan dapatan berbentuk deskriptif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tadbir urus Syariah dari aspek kerangka, struktur, proses dan fungsi di antara Malaysia dan Indonesia mempunyai persamaan dan perbezaan. Persamaan dari aspek struktur tadbir urus Syariah di antara kedua negara ialah mempunyai

pengawasan dua peringkat seperti pengawasan jawatankuasa Syariah di peringkat institusi dan pengawasan di peringkat tertinggi ialah Majlis Penasihat Syariah. Perbezaan dari aspek proses dan fungsi tadbir urus Syariah di Malaysia lebih ketat dan komprehensif berbanding peraturan yang ada di Indonesia. Hasil kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang pengetahuan dan perkembangan baru tadbir urus Syariah di antara Malaysia dan Indonesia sehingga mampu melaksanakan penambahbaikan dari aspek kepatuhan Syariah yang lebih baik dan mampu mengharmonikan perbezaan tadbir urus Syariah bagi meningkatkan ekonomi Islam di masa hadapan.

Keywords:

Shariah
Governance;
Islamic Banking
Institutions;
Indonesia;
Malaysia

ABSTRACT

Islamic banking and finance are a rapidly growing industry and a major contributor to global financial assets. The Islamic Finance Development Indicator (IFDI) listed five main factors driving Islamic finance development: Quantitative Development, Knowledge, Governance, Corporate Social Responsibility, and Awareness. In this regard, compared to other Southeast Asian countries, Malaysia and Indonesia have retained the top spot in the best Islamic banking governance for the second consecutive year. However, both countries show significant differences in the aspect of Shariah governance. The main objective of this study is to compare Shariah governance from four aspects, namely governance framework, governance structure, governance process and governance function between Malaysia and Indonesia. This study is qualitative, and data for the descriptive findings was obtained entirely from document analysis. The findings of this study showed the similarities and differences between the framework, structure, processes, and function of Shariah governance in Malaysia and Indonesia. The shariah governance in both countries are similar in terms of the structure, specifically having two levels of supervision-the Shariah committee at the institutional level supervision and the Shariah Advisory Council at the highest level. Meanwhile, the major difference in the process and function of Shariah governance is that the Shariah governance in Malaysia is stricter and more comprehensive compared in Indonesia. It is hoped that this study's findings can fill the knowledge gap and the new development of Shariah governance between Malaysia and Indonesia so that they can improve Shariah compliance and harmonize the differences in Shariah governance to improve the Islamic economy in the future.

PENGENALAN

Industri perbankan Islam telah berkembang pesat di seluruh dunia terutama negara-negara Islam. Di antara faktor utamanya ialah aspek keagamaan yang menyumbang kepada permintaan produk yang patuh Syariah terutamanya di negara majoriti Muslim (Ullah & Khanam, 2018; Mansour & Haron, 2019). Di dalam sistem perbankan Islam mahupun perbankan konvensional yang menawarkan sistem Islam (*Islamic Windows*) memerlukan satu set kerangka tadbir urus Syariah untuk mengatur segala amalan dan operasi yang dijalankan agar selari dengan prinsip Islam. Menurut Mansoor & Haron (2020), objektif tadbir urus Syariah adalah untuk mengatur segala masalah di antara pihak berkepentingan dalam institusi kewangan dan perbankan Islam yang dikawal selia oleh lembaga Syariah setiap negara. Menurut *Islamic Financial Service Board* (IFSB) sistem tadbir urus Syariah merujuk kepada set pengaturan institusi atau mana-mana organisasi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam yang bertujuan untuk mengawal selia aspek kepatuhan Syariah dalam institusi kewangan Islam. Pengaturan ini ialah merujuk kepada lembaga Syariah dan unit dalaman lainnya seperti jawatankuasa audit dan pengurusan risiko Syariah yang bertanggungjawab dalam mengawal selia operasi institusi perbankan dan kewangan Islam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan industri perbankan Islam secara global telah membawa kepada tahap kemajuan yang signifikan, sebanyak 70% penyumbang dari keseluruhan aset kewangan Islam global pada tahun 2020 ialah dari sektor perbankan Islam. Pertumbuhan aset perbankan Islam global telah pun meningkat sebanyak 14% dengan jumlah aset sebanyak USD 2.3 pada tahun 2020. Dalam menentukan prestasi kewangan Islam di sebuah negara, salah satu faktor utamanya ialah melaksanakan satu set kerangka tadbir urus Syariah yang komprehensif, di mana pematuhan Syariah adalah sebagai asas utama dalam amalan perbankan Islam (Kausar, et al 2021). Oleh kerana laporan *Islamic Finance Development Indicator* (IFDI, 2022) menyatakan bahawa negara Malaysia dan Indonesia termasuk dalam senarai nama negara paling berkembang dalam kewangan Islam berturut-turut selama dua tahun maka, kajian ini perlu di lakukan bagi mengkaji perbandingan tadbir urus perbankan Islam di antara Malaysia dan Indonesia. Walaupun negara Malaysia menduduki pada peringkat pertama dan diikuti negara Indonesia pada peringkat kedua namun, komponen tadbir urus yang menjadi salah satu faktor utama mempengaruhi prestasi kewangan Islam mengikut *Top Countries by Average FRDI Score 2020* di antara negara Malaysia dan Indonesia adanya jurang perbezaan yang cukup ketara.

Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa kerangka tadbir urus Syariah yang lemah dalam institusi kewangan Islam dapat mengakibatkan ketidakcekapan yang akan terdedah kepada risiko ketidakpatuhan Syariah (Abdulrahman, 2022; Najwa et al., 2019; Nazmi et al., 2020) Menurut pandangan salah seorang cendekiawan Islam di Malaysia Dr Akram Laldin menyatakan bahawa sekiranya tidak ada kerangka tadbir urus Syariah dalam institusi perbankan Islam yang mantap di sebuah negara maka akan melibatkan kepada reputasi bank dan reputasi kewangan Islam secara keseluruhannya. Menurut (Ali Rama, 2015; Rusni Hassan et al., 2013) perbandingan tadbir urus Syariah menggunakan pendekatan yang merangkumi empat aspek utama di antaranya ialah kerangka tadbir urus Syariah, struktur

tadbir urus Syariah, proses tadbir urus Syariah dan fungsi tadbir urus Syariah. Persamaan dan perbezaan kerangka tadbir urus Syariah di Malaysia dan Indonesia akan dikaji dalam empat aspek tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana data-data yang diperoleh secara analisis dokumen. Beberapa rujukan terhadap penulisan jurnal, buku dan laporan kewangan dan dokumen undang-undang di negara Malaysia dan Indonesia dirujuk, seperti undang-undang perbankan Islam di Malaysia, Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Manakala di Indonesia, dokumen yang akan digunakan adalah Undang-Undang No 21 Tahun 2008 tentang perbankan Islam, Peraturan Bank Indonesia No 11/33/PBI/2009 tentang pelaksanaan Good Corporate Governance bagi Bank Umum Syariah (BUS) dan Unit Usaha Syariah (UUS), dan Peraturan Bank Indonesia No 11/3/PBI/2009 tentang Bank Umum Syariah. Terakhir, maklumat mengenai tadbir urus Syariah di negara Malaysia diperolehi dari Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah 2019 dan di Indonesia, maklumat didapati dalam Peraturan Bank Indonesia No 7/35/PBI/2005 dan No 8/3/PBI/2006, yang menjelaskan tadbir urus dan pematuhan Syariah institusi perbankan Islam. Seterusnya di analisis secara kritis dan induktif sebagai satu dapatan dalam bentuk deskriptif.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Sistem tadbir urus Syariah dalam institusi kewangan Islam di setiap negara mengamalkan pelaksanaan yang berbeza-beza. Dalam kajian ini amalan tadbir urus Syariah perbankan Islam akan dianalisis secara kritikal dari empat aspek utama. Pertama ialah rangka kerja tadbir urus Syariah, bahagian ini memberi tumpuan kepada undang-undang yang mengatur berkaitan dengan tadbir urus Syariah di kedua-dua negara. Kedua struktur tadbir urus Syariah, bahagian ini mengkaji amalan tadbir urus Syariah sama ada pengawasan dilaksanakan oleh badan berpusat atau lembaga bebas yang mempunyai bidang kuasa. Ketiga, proses tadbir urus Syariah berkaitan dengan pelbagai aspek, termasuk pelantikan dan peletakan jawatankuasa Syariah, komposisi jawatankuasa Syariah, syarat kelayakan jawatankuasa Syariah, serta batas jawatankuasa Syariah. Keempat, fungsi tadbir urus Syariah, aspek ini akan membincangkan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah serta keterlibatan unit dalaman seperti *Shariah review*, *Shariah audit*, *Shariah research* dan *Shariah risk management*. Kemudian, kajian ini akan membandingkan amalan tadbir urus Syariah di kedua-dua negara tersebut untuk mencari ciri keunikan serta kekuatan dan kelemahan di antara negara Malaysia dan Indonesia.

Kerangka Tadbir Urus Syariah

Sistem tadbir urus perbankan Islam di Indonesia diatur dalam undang-undang No 21 Tahun 2008 mengenai perbankan Syariah. Pelaksanaan amalan seterusnya dijelaskan dalam bentuk Peraturan Bank Indonesia (PBI) dan Surat Edaran Bank Indonesia (SEBI) atau Otoritas Jasa Keuangan (OJK) dan Surat Edaran Otoritas Jasa Keuangan (SEOKJ). Peraturan UU No 21 Tahun 2008 juga menetapkan tugas Dewan Pengawas Syariah (DPS) dan tanggungjawab

Dewan Syariah Nasional (DSN) yang di bentuk oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI). Peraturan berikutnya ialah pelaksanaan “*Good Corporate Governance*” bagi Bank Umum Syariah (BUS) dan Unit Usaha Syariah (UUS) yang terkandung dalam PBI No 11/33/PBI/2009 dan dihuraikan secara terperinci melalui SEBI No.12/13/Dpbs/2010. Peraturan Bank Indonesia ini menjelaskan peranan ahli jawatankuasa dan pihak kepentingan lainnya.


Sistem tadbir urus Syariah di Malaysia juga diatur dalam bentuk undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Pelaksanaan tadbir urus Syariah di Malaysia dihuraikan dalam rangka kerja tadbir urus Syariah bagi institusi- institusi perbankan Islam 2010 dan diperbaharui dengan penubuhan Akta perkhidmatan kewangan Islam 2013. Sehingga kini tadbir urus Syariah di Malaysia telah diatur dalam peraturan yang lebih komprehensif dikenal sebagai Dokumen Polisi tadbir urus Syariah 2019.

Dapat disimpulkan bahawa tadbir urus Syariah di Malaysia dan Indonesia sama-sama diatur dalam bentuk peraturan Undang-undang atau garis panduan yang terpisah dengan bank konvensional. Perbezaan kerangka tadbir urus Syariah di antara kedua negara ialah Malaysia menggunakan peraturan tadbir urus Syariah bagi institusi perbankan Islam dengan istilah khusus “*Shariah Governance*”. Perbandingan tadbir urus Syariah di Indonesia cenderung menggunakan konsep tadbir urus korporat yang mengasingkan jawatankuasa Syariah di dalam institusi perbankan dan Kewangan Islam. Oleh sebab itu penggunaan istilah “*Good Corporate Governance*” diguna dalam peraturan perundangan di Indonesia.

Struktur Tadbir Urus Syariah


Struktur tadbir urus Syariah bagi institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia dan Indonesia menggunakan dua peringkat pengawasan. Pengawasan institusi perbankan Islam di Malaysia pada peringkat pertama ialah Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia, yang terdiri dari ahli Lembaga Pengawas Syariah yang berkelayakan dan dilantik oleh Bank Negara Malaysia. Majlis penasihat Syariah merupakan kedudukan sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam mengeluarkan fatwa dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam serta isu-isu pematuhan Syariah. Seterusnya, pada peringkat kedua ialah jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada ahli berkelayakan dan dilantik di semua institusi perbankan dan kewangan Islam. Berdasarkan rajah 1 syarat utama tadbir urus Syariah dalam institusi kewangan Islam ialah bertanggungjawab mewujudkan fungsi dan peranan pengawasan kepatuhan Syariah dengan menyeluruh (Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions, 2010). Dalam bahagian ini, rangka kerja tadbir urus Syariah dibahagikan kepada tiga badan utama iaitu ahli Lembaga Pengarah Syariah, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan institusi kewangan Islam. Selain itu, terdapat empat fungsi Syariah yang bertanggungjawab menyediakan penilaian objektif dan jaminan keberkesanan institusi kewangan Islam dalam mematuhi undang-undang Syariah. Fungsi Syariah merangkumi fungsi kawalan pengurusan risiko Syariah, fungsi penilaian Syariah, fungsi penyelidikan Syariah dan fungsi audit Syariah. Di dalam gambar rajah ini juga

menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan antara ketiga badan utama yang berkaitan dengan peranan, fungsi dan pelaporan dalaman.



Rajah 1: Struktur tadbir urus perbankan Islam di Malaysia
Sumber: Bank Negara Malaysia

Di Indonesia, pengawasan di institusi perbankan dan kewangan Islam pada peringkat pertama ialah dikawal selia oleh Dewan Syariah Nasional (DSN). Kedudukan Dewan Syariah Nasional ini tidak berada di bawah bidang kuasa Bank Indonesia. Ia merupakan bahagian daripada Majlis Ulama Indonesia (MUI) iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang terdiri dari ulama dan ahli-ahli pelbagai organisasi Islam lainnya. Majlis Ulama Indonesia adalah satu-satunya organisasi ulama Islam yang di iktiraf pada peringkat tertinggi oleh pemerintahan di Indonesia. Walaupun Dewan Syariah Nasional diberikan autoriti untuk mengeluarkan keputusan berhubung prinsip-prinsip Syariah dalam sistem perbankan Islam, namun keputusan tersebut adalah dalam bentuk fatwa. Justeru itu, fatwa tersebut perlu melalui pengawasan pada peringkat ke dua iaitu melalui Dewan Pengawas Syariah (DPS) dan diterjemahkan semula sebagai Peraturan Bank Indonesia atau Otoritas Jasa Keuangan (OJK) untuk membolehkannya dikuatkuasakan. Merujuk kepada rajah 2 dalam hal pengawasan kepatuhan Syariah di antara BI, DSN-MUI dan DPS dapat dilihat seperti berikut:



Rajah 2: Struktur pengawasan institusi perbankan Islam

Maka dapat disimpulkan bahawa struktur tadbir urus Syariah institusi perbankan Islam di Malaysia dan Indonesia sama menggunakan dua peringkat pengawasan iaitu peringkat pertama Majlis Penasihat Syariah dan peringkat ke dua ialah jawatankuasa Syariah. Perbezaan yang terdapat di antara negara Indonesia ialah kedudukan Dewan Syariah Nasional yang merupakan sebahagian daripada Majlis Ulama Indonesia dan bukan sebuah organisasi kerajaan. Sedangkan di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah adalah autoriti kerajaan di bawah kuasa Bank Negara Malaysia.

Proses Tadbir Urus Syariah

Proses tadbir urus Syariah untuk institusi perbankan dan kewangan Islam merangkumi 4 aspek iaitu pelantikan dan pemberhentian jawatankuasa Syariah, komposisi jawatankuasa Syariah, syarat dan kelayakan jawatankuasa Syariah, dan batas rangkap jawatankuasa Syariah. Peraturan pelantikan dan pemberhentian jawatankuasa Syariah di Malaysia ialah dilantik atau dicalonkan oleh lembaga pengarah setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah. Sedangkan pemberhentian jawatankuasa Syariah dijelaskan secara terperinci di dalam *Shariah Governance Policy Document* (SGPD) 2019 di antaranya ialah ahli jawatankuasa Syariah bukanlah dari seorang yang muflis, tidak ada pertuduhan atau kesalahan jenayah yang berkaitan dengan penipuan atau ketidakjujuran di mana-mana negara, atau berkaitan dengan pencegahan jenayah, pengedaran dadah atau kesalahan imigresen. Sedangkan di Indonesia pelantikan dan pemberhentian jawatankuasa Syariah hendaklah melalui proses penyerahan kepada Lembaga Pengarah bank Syariah dan ditentukan oleh Bank Indonesia (BI) atau Otoritas Jasa Keuangan (OJK) setelah mendapat kelulusan daripada Dewan Syariah Nasional. Proses pemberhentian jawatankuasa Syariah ditentukan oleh kuasa BI/OJK dari hasil semakan kelengkapan

dokumen dan temu duga yang dijalankan. Oleh itu, pelantikan Dewan Pengawas Syariah adalah hasil daripada ujian yang ditentukan oleh BI/OJK dan DSN. Pemberhentian ahli jawatankuasa Syariah di Indonesia tidak ada penjelasan secara terperinci, jika terjadi pemberhentian institusi kewangan Islam hendaklah merujuk kepada Bank Indonesia.

Aspek yang kedua adalah rangkap jawatankuasa Syariah institusi perbankan Islam di Malaysia tidak boleh merangkap jawatan di mana-mana institusi kewangan Islam yang lain. Sedangkan di Indonesia Rangkap jawatan ahli Dewan Pengawas Syariah dapat merangkap jawatan Dewan Pengawas Syariah paling banyak 4 atau 5 institusi kewangan Islam.

Aspek ketiga ialah penentuan komposisi atau Jumlah jawatankuasa Syariah di institusi perbankan Islam di Malaysia sekurang-kurangnya terdiri dari 5 orang ahli jawatankuasa Syariah. di Indonesia pula komposisi atau Jumlah Dewan Pengawas Syariah sekurang-kurangnya 2 orang atau paling banyak 50% dari jumlah lembaga pengarah. Terakhir dari aspek syarat pelantikan ahli jawatankuasa Syariah institusi perbankan Islam di Malaysia sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang Syariah merangkumi pengajian usul fiqh dan fiqh muamalah, mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Syariah di industri kewangan Islam, membuktikan kecekapan dalam penulisan dan lisan bahasa Arab dan penguasaan bahasa pilihan Institusi kewangan Islam sama ada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Di Indonesia syarat ahli Dewan Pengawas Syariah sekurang-kurangnya memiliki pengetahuan dan pengalaman di bidang fiqh muamalah, mempunyai akhlak yang baik, mempunyai komitmen dalam mematuhi peraturan perbankan Islam dan undang-undang, mempunyai komitmen terhadap pembangunan bank yang sihat, dan ahli jawatankuasa Syariah yang di calonkan tidak termasuk di dalam senarai gagal dalam kemampuan ujian yang di tetapkan oleh bank Indonesia.


Maka perbandingan proses tadbir urus Syariah dalam institusi perbankan Islam berkaitan dengan jawatankuasa Syariah di antara kedua negara dapat disimpulkan bahawa di Malaysia mempunyai peraturan dan undang-undang yang lebih ketat daripada di Indonesia, terutamanya dari komponen rangkap jawatankuasa Syariah dan komposisi jawatankuasa Syariah. Dari perbezaan yang terdapat di antara ke dua negara, tentu saja peraturan ini telah ditetapkan oleh setiap institusi perbankan Islam sesuai dengan keperluan dan keunikan sistem perbankan di negara masing-masing.

Fungsi Tadbir Urus Syariah

Peranan pengawasan institusi perbankan Islam yang ditetapkan dalam aturan tadbir urus Syariah di antara Indonesia dan Malaysia ialah terdapatnya perbezaan, kerana undang-undang yang mengatur di antara negara berbeza. Di Malaysia pematuhan Syariah diatur dalam Kerangka tadbir urus Syariah 2010 dan diperbaharui dalam peraturan Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah 2019 sedangkan di Indonesia di atur dalam PBI No 15/13/PBI/2013 dan SEOJK No 03/2019.

Maka dapat disimpulkan bahawa perbandingan fungsi tadbir urus Syariah di antara Indonesia dan Malaysia dengan peraturan perundangan yang ditetapkan maka, terdapat perbezaan di kedua negara. Di Malaysia peranan jawatankuasa Syariah yang terkandung di dalam

kerangka tadbir urus Syariah 2010 telah menyenaraikan 4 fungsi dalaman yang terdiri daripada, Shariah Review, Shariah Risk Management, Shariah Audit, dan Shariah Research. Namun, selepas Bank Negara Malaysia mengeluarkan garis panduan yang baru iaitu Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah 2019, terdapat penambahbaikan yang mana hanya 3 fungsi dalaman (Perenggan 16.3 SGPD). Shariah Research tidak lagi diletakkan di bawah fungsi dalaman sebaliknya bergantung kepada institusi perbankan Islam itu sendiri. Sesetengah Institusi perbankan Islam meletakkan Shariah Research di jabatan Syariah untuk melaksanakan urusan-urusan sekretariat kepada jawatankuasa Syariah. Walau bagaimanapun, ia masih dikategorikan sebagai pegawai Syariah. Oleh itu, kerangka kerja yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia telah menggariskan keperluan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya empat unit Syariah (Izzat Amsyar, 2018) dalam setiap institusi perbankan Islam dan institusi perbankan konvensional yang menawarkan perniagaan Islam. Sedangkan dalam peraturan tadbir urus Syariah di Indonesia pengawasan unit atau fungsi dalaman Syariah tidak ditetapkan secara langsung dalam Peraturan Bank Indonesia. Merujuk undang-undang No 40 Tahun 2007 mengenai Perseoran Terbatas dan Peraturan Bank Indonesia No 11/33/PBI/2009 mengenai Pelaksanaan Good Corporate Governance keberadaan Unit atau fungsi dalaman diselenggarakan dengan unit atau fungsi pengawasan yang telah wujud dan sedia ada seperti rajah berikut:



Rajah 3: Struktur Pelaksanaan tadbir urus Syariah dalam perbankan Islam di Indonesia

KESIMPULAN

Penulisan ini merumuskan bahawa terdapatnya persamaan dan perbezaan tadbir urus perbankan Islam di antara Malaysia dan Indonesia yang dibahagikan kepada empat aspek utama iaitu kerangka tadbir urus, struktur tadbir urus, proses tadbir urus dan fungsi tadbir urus seperti berikut:

Jadual 1: Perbandingan tadbir urus perbankan Islam di antara Malaysia dan Indonesia

Komponen tadbir urus Syariah	Malaysia	Indonesia	
Kerangka tadbir urus	<ul style="list-style-type: none"> - Peraturan dalam bentuk undang-undang atau garis panduan yang terpisah dengan bank konvensional. - Menggunakan istilah Shariah Governance dalam perbankan Islam 	<ul style="list-style-type: none"> - Peraturan dalam bentuk undang-undang atau garis panduan yang terpisah dengan bank konvensional. - Menggunakan istilah Good Corporate Governance dalam perbankan Islam 	
Struktur tadbir urus	<ul style="list-style-type: none"> - Pengawasan dua peringkat iaitu jawatankuasa Syariah dan Majlis Penasihat Syariah - Fatwa yang dikeluarkan ialah bersifat mengikat secara langsung sehingga menjadikan kedudukan perundangan Majlis Penasihat Syariah mempunyai kuasa yang optimum di dalam institusi perbankan Islam 	<ul style="list-style-type: none"> - Pengawasan dua peringkat iaitu Dewan pengawas Syariah dan Dewan Syariah Nasional - Fatwa yang dikeluarkan oleh DSN-MUI perlu diubah menjadi Peraturan Bank Indonesia agar dapat mengikat pihak-pihak berkepentingan di dalam industri perbankan Islam 	
Proses tadbir urus	Pelantikan dan Pemberhentian	<ul style="list-style-type: none"> - Ahli jawatankuasa dilantik oleh lembaga Syariah - Pemberhentian ahli jawatankuasa dijelaskan dalam SGPD 2019 	<ul style="list-style-type: none"> - Ahli jawatankuasa ditentukan oleh BI/OJK dan mendapat kelulusan dari DSN - Pemberhentian ahli jawatankuasa tidak dijelaskan secara terperinci
	Rangkap jawatan	Tidak boleh merangkap jawatan di mana-mana institusi kewangan Islam yang lain	Boleh merangkap jawatan paling banyak 4 atau 5 jawatan
	Komposisi	Sekurang-kurangnya berjumlah tidak kurang daripada 5 orang	Sekurang-kurangnya 2 orang atau paling banyak 50% dari jumlah lembaga pengarah

	Syarat	Lebih mengutamakan bahasa Inggeris dan bahasa Arab	Penggunaan bahasa tidak dijelaskan dan di bahas dalam peraturan yang sedia ada
Fungsi tadbir urus	Pelaksanaan unit Syariah dalaman di Malaysia terdiri daripada 4 fungsi dalaman iaitu <i>Shariah Review</i> , <i>Shariah Risk Management</i> , <i>Shariah Audit</i> , dan <i>Shariah Research</i> . Namun, selepas Garis panduan SGPD 2019 diterbitkan, BNM hanya mengambil kira 3 fungsi unit dalaman. Penglibatan “ <i>Shariah Research</i> ” tidak lagi diletakkan di bawah fungsi unit dalaman sebaliknya bergantung kepada Institusi kewangan itu sendiri		Pelaksanaan fungsi unit dalaman di Indonesia tidak dinyatakan secara langsung. Fungsi unit dalaman digabungkan dengan peranan jawatankuasa Syariah yang sedia ada dalam struktur organisasi institusi perbankan Islam, seperti jabatan audit dalaman atau jabatan kawalan.

Kepelbagaian bentuk persamaan dan perbezaan dari tadbir urus Syariah perbankan Islam di antara Malaysia dan Indonesia hendaklah direspons oleh pihak berwajib untuk mewujudkan penyelarasan dalam peraturan tadbir urus sehingga apabila tadbir urus Syariah di kedua negara dapat diharmonikan dengan cara mengurangkan perbezaan-perbezaan yang ada maka, perkembangan produk dan perkhidmatan dapat ditingkatkan bukan sahaja di peringkat Asia Tenggara akan tetapi di peringkat global dan tentunya akan meningkatkan lagi ekonomi Islam di masa hadapan. Oleh sebab itu, cadangan kajian seterusnya ialah mengkaji pelaksanaan pengharmonian di dalam tadbir urus perbankan Islam di berbagai negara. Sebagai sektor yang berkembang pesat di dalam pasaran global, perbankan Islam memerlukan satu langkah baharu untuk menyelesaikan perbezaan yang terjadi di peringkat antarabangsa yang dapat menimbulkan kekeliruan dalam fikiran masyarakat tentang perbankan Islam. Walaupun cabaran yang dihadapi hari ini tidak memberi kesan yang signifikan terhadap sistem perbankan Islam, namun dikhuatiri pada masa hadapan akan kehilangan kepercayaan atau keyakinan orang ramai terhadap pelaksanaan perbankan Islam.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa kelemahan di antaranya ialah perbandingan kajian yang hanya melibatkan dua negara. Hal ini kerana terdapatnya kekangan yang dihadapi disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan yang berkaitan dengan tadbir urus Syariah di beberapa negara. Kekurangan bahan rujukan menyebabkan kajian ini hanya melibatkan dua negara sahaja. Dari hasil kajian, diharapkan dapat membantu memberikan pandangan atau langkah yang terbaik bagi meningkatkan lagi sistem tadbir urus Syariah di masa hadapan bukan hanya melibatkan perbandingan dua negara sahaja namun, dapat mengharmonikan perbezaan tadbir urus Syariah di berbagai negara.

PENGHARGAAN

Setinggi ucapan terima kasih kepada Encik Ahmad Fatin bin Mohammad Suhaimi, Dr. Latifa Bibi binti Musafar Hamed dan Dr. Hafas Furqani yang telah memberi sokongan dan bantuan serta bimbingan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Ali Rama & Yella Novela. (2015). Shariah Governance dan Kualitas Tata Kelola Perbankan Syariah. *Signifikan (4) 2*. 111-126.
- Al-Saadi. A., Kabir Hassan. M & Mansoor Alkhan. A (2022). Shari'a Governance in Bahrain: Analysing the Islamic Banking Industry's Implementation of the Newly Issued Regulatory Shari'a Governance Module. *Journal of Risk and Financial Management*. 15-418.
- Athirah Najwa. N., Ramly. Z & Haron. R. (2019). Board Size, Chief Risk Officer and Risk-taking in Islamic Banks: Role of Shariah Supervisory Board. *Jurnal Pengurusan*. 3-21.
- Hafij Ullah.Md & Khanam Ruma. (2018). Whether Shari'ah Compliance Efficiency is a Matter for The Financial Performance. *Journal of Islamic Accounting and Business Research 9 (2)*. 183-200.
- Hassan, R., Irwani, N., Hassan, A., Ibrahim, U., Fuad, M., Akhtarzaite & Triyanta A. (2013). A comparative analysis of Shariah Governance in Islamic Banking Across Jurisdictions. *International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) Research paper, No 50*. 1-60.
- Kausar Alam. Md., Mizanur Rahman. M., Kamal Runy. M., Samuel Adedeji.B & Farjin Hassan. Md., (2021). The Influences of Shariah Governance Mechanisms on Islamic Banks Performance and Shariah Compliance Quality. *Asian Journal of Accounting Research 7(1)*. 2-16.
- Mansour, H. & Haron, R. (2020). Growth and Emerging Prospects of International Islamic Banking. IGI Global. (213-244).
- Mansour, N & Haron, R. (2019). A systematic literature review on Shari'ah governance mechanism and firm performance in Islamic banking. *Islamic Economic Studies, Vol. (27) 2*. 1-33. Doi: 10.1108/IES-06-2019-0013.
- Mohd Arif, M.I.A & Markom, R. (2018). Struktur Tadbir Urus Syariah dalam Sistem Perbankan Islam: Analisis Perbandingan Antara Malaysia dan Indonesia. *JUUM*. 1-9.
- Nazmi, M., Siraj, M.A., Mighfari, E.R & Firli, R.N. (2020). Shariah Governance in Islamic Financial Institutions in Indonesia and Malaysia: A Comparative Analysis. *Journal of Islamic Finance, (9)2*. 1-9.